

KENYATAAN MEDIA

Untung Bersih SEDANIA Naik 3 Kali Ganda Dalam Tempoh 9 Bulan

Sorotan Utama:

- *Untung bersih meningkat kepada RM3.8 juta, peningkatan 3 kali ganda daripada RM1.12 juta dalam tempoh 9 bulan*
- *Jumlah hasil sepanjang 9 bulan menunjukkan peningkatan progresif sebanyak 14% kepada RM34.45 juta berbanding tahun 2022*
- *Segmen FinTech catat hasil pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 30%, kepada RM2.13 juta, disokong oleh perkhidmatan As-Sidq Tawarruq*

PETALING JAYA, 29 NOVEMBER 2023 - Pemangkin Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), SEDANIA Innovator Berhad ('SEDANIA' atau 'Kumpulan'), terus mencatatkan keuntungan dan pertumbuhan yang stabil pada suku ketiga berakhir 30 September 2023 (3QFYE23).

Keuntungan bersih Kumpulan meningkat dua kali ganda pada suku ketiga kepada RM801,000.00 berbanding RM323,000.00 pada suku yang sama tahun 2022. Bagi tempoh 9 bulan berakhir 30 September 2023, keuntungan bersih melonjak kepada RM3.8 juta, peningkatan 3 kali ganda daripada RM1.12 juta berbanding tahun sebelumnya.

Hasil bagi 3QFYE23 berjumlah RM10.62 juta, menyumbang kepada jumlah keseluruhan dalam tempoh 9 bulan sebanyak RM34.45 juta. Pertumbuhan ini meningkat sebanyak 14% bagi tempoh yang sama pada tahun 2022, peningkatan berterusan bagi pihak Kumpulan.

Segmen FinTech mencatatkan peningkatan hasil sebanyak 30% kepada RM2.13 juta dalam 3QFYE23, berbanding RM1.64 juta dalam tempoh yang sama bagi tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh aktiviti mampan pada platform *Tawarruq* dan *Go Halal*, yang telah menunjukkan kemajuan berterusan oleh anak syarikat Kumpulan dalam industri FinTech.

Datuk Azrin Mohd Noor, Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA berkata, "Segmen fintech kami menuju ke tahun yang lebih menarik seiring dengan pertumbuhan portfolio penyelesaian

FinTech patuh Syariah untuk Institusi Perkhidmatan Kewangan (FSIs). Kami memberikan komitmen sepenuhnya untuk mengembangkan perkhidmatan kami. Langkah ini penting dalam usaha Kumpulan untuk menjadi syarikat gergasi dalam teknologi fintech Islam.

“Lonjakan ini dipacu oleh perkhidmatan As-Sidq, iaitu platform masa nyata digital, yang penting untuk transaksi Tawarruq bagi memfasilitasi pembiayaan Islam melalui perdagangan komoditi. Di samping itu, ekosistem rangkaian fintech Islam kami, membuka peluang bagi institusi kewangan untuk memajukan transformasi digital mereka.

“Pendekatan inovatif kami juga bertujuan untuk menarik minat pelbagai FSIs dengan tawaran produk serta perkhidmatan terkini kepada pelanggan mereka. Ini bukan hanya tentang pertumbuhan semata-mata, tetapi anjakan ke arah masa depan yang transformatif dalam dunia teknologi kewangan.”

Datuk Azrin juga menambah pada tahun 2023, Kumpulan berhasrat untuk terus berkembang dalam semua segmen perniagaannya. “Bagi suku ketiga tahun 2023, segmen Penjagaan Kesihatan Lestari, Offspring, telah menyumbang RM8.08 juta kepada jumlah keseluruhan hasil Kumpulan. Offspring dijangka akan terus melebarkan pasarannya ke negara-negara yang mempunyai kepadatan populasi, di samping meningkatkan jumlah saiz bakul purata, pangkalan pelanggan dan titik jualan.”

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA, Daniel Ruppert berkata, “Usaha dalam bidang FinTech merupakan komitmen kami untuk menginovasi penyelesaian patuh Syariah. Komitmen ini merupakan asas kepada pendekatan kami dalam mengembangkan produk dan perkhidmatan yang selari dengan keperluan pasaran semasa.

“Tambahan pula, komitmen kami diperkukuhkan lagi dengan kejayaan platform seperti Tawarruq dan Go Halal. Platform-platform ini bukan sahaja berupaya meluaskan pasaran secara keseluruhan, tetapi juga mampu menyasarkan pertumbuhan dalam aspek keperluan beretika perkhidmatan kewangan. Pencapaian pertumbuhan melalui pelbagai inisiatif membuktikan ia sejajar dengan kehendak pengguna masa kini dan keupayaan kami untuk beradaptasi dengan perubahan pasaran yang dinamik.”

-TAMAT-

Mengenai Sedania Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyertaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 76 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkaian kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

“Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.” Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Sharina Ahmad / Ilya Amira

Tel: 03-7880 2001 / +6012 3100 3094 / +6013 2288 005

Emel: [:media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

